

14 OGOS 2019 (RABU)

JPJ Pahang perkenal sistem JPJeBid

Kuantan: Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Pahang memperkenalkan Sistem Bidaan Nombor Pendaftaran Kenderaan Dalam Talian (JPJeBid) bagi nombor pendaftaran kenderaan.

Pengarah JPJ Pahang, Mohamad Abdullah, berkata proses JPJeBid itu menawarkan ketelusan bermula daripada transaksi pendaftaran sehingga pembayaran dilakukan.

Katanya, sistem itu juga membantu mempertingkatkan dan memperkemaskan pengurusan mengenai nombor pendaftaran.

“Pengguna hanya perlu mempunyai rekod di dalam Sistem MySikap atau mendaftar di mana-mana cawangan JPJ.

“JPJ Pahang akan mula membuka bidaan bagi nombor pendaftaran baru negeri ini iaitu CEE secara dalam talian bermula 12 tengah malam 30 Ogos ini dan berakhir pada 11.59 malam 3 September ini,” katanya.

Mohammad berkata, bagi kaedah bidaan dalam talian, pembida perlu menggunakan aplikasi di telefon pintar atau melayari laman web untuk membuat bidaan nombor plat.

Katanya, harga bidaan JPJeBid mengikut harga minimum memabitkan beberapa kategori.

“Bagi kategori nombor bernilai utama, harga minimum ialah RM20,000 dan kenaikan bidaan minimum adalah RM1,000 iaitu pada kadar lima peratus.

“Untuk nombor menarik harga minimum adalah RM3,000 dan kenaikan bidaan minimum RM150; nombor popular (harga minimum RM800 dan kenaikan bidaan minimum adalah RM40),” katanya.